

RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



NEGARA KECERDASAN BUATAN (AI)

**Noor Azillah Mohamad Ali, Shahrul Amri Ab
Wahab & Rozihanim Shekh Zain**

Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) ditubuhkan sebagai salah satu inisiatif transformatif di bawah Kementerian Digital yang mana penubuhannya adalah untuk mengukuhkan komitmen Malaysia untuk menjadi peneraju dalam kecerdasan buatan (AI) dan transformasi digital di rantau ASEAN. Kewujudan NAIO menjadi satu detik penting dalam perjalanan Malaysia ke arah ekonomi AI. Dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Anwar Ibrahim, NAIO mampu membina ekosistem digital yang kukuh dan mampu memacu Malaysia ke arah inovasi daya cipta. Menurut Menteri Digital, Gobind Singh Deo, menekankan kepada implikasi AI itu sendiri, dimana beliau berharap agar AI dibawa kepada semua sektor serta mampu menjangkau setiap lapisan masyarakat.

Dengan adanya Kementerian Digital dan penubuhan NAIO, ia menampakkan kesungguhan Malaysia menuju ke negara digital. Negara digital adalah satu agenda kerajaan dalam melaksanakan transformasi untuk menjadi negara yang berpendapatan tinggi yang berlandaskan pendigitalan.


Ada beberapa inisiatif yang dibangunkan seperti MyDIGITAL dan SmartGov Malaysia 2025. MyDIGITAL adalah satu pelan lengkap yang diterjemahkan kepada hasrat kerajaan untuk mengubah Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi dan mampu menjadi peneraju ekonomi digital. Manakala SmartGov Malaysia 2025 adalah satu perancangan yang dibuat bagi mengubah sektor awam melalui penggunaan AI dalam membangunkan urus

tadbir, perkhidmatan digital yang pantas serta dapat mengurangkan birokrasi serta dapat meningkatkan kecekapan dalam memberikan kualiti perkhidmatan kerajaan. Matlamat jangka panjang Malaysia adalah ingin menyasarkan dalam menjadi pemimpin ekonomi digital di rantau ASEAN dan Malaysia berharap untuk menjadi negara AI menjelang tahun 2030.

Persoalan besar timbul: adakah AI itu sendiri benar-benar satu keperluan strategik untuk masa depan Malaysia atau pun hanya satu persinggahan teknologi untuk mengikut arus global? Untuk menjawab persoalan ini, kita perlu menilai peranan, manfaat, cabaran dan hala tuju AI dalam konteks negara. AI sebagai satu keperluan di Malaysia. Untuk mendokong aspirasi ekonomi Digital, ia jelas terserlah dengan penubuhan MyDIGITAL. Ia membuktikan AI adalah penting dalam meningkatkan kecekapan industri, memperkukuhkan daya saing global serta mampu menarik pelaburan asing. Jika Malaysia tidak menggunakan AI, risiko ketinggalan berbanding negara jiran seperti Singapura atau Korea Selatan yang sudah melabur dengan jumlah yang besar untuk Pembangunan AI.

Dengan AI juga dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan. AI dapat membantu dalam mengurangkan kos operasi dan dapat meningkatkan kecekapan sesuatu sektor yang kritikal. Sebagai contohnya sektor pertanian, di mana dengan adanya AI dapat membantu petani dalam urusan pengawalan sistem pengairan automatik, memantau tanaman dengan penggunaan dron dan mampu meramal hasil tuaian. Bukan sahaja dalam sektor pertanian sahaja tetapi dengan AI dapat membantu sektor kesihatan juga.

Di dalam sektor Pendidikan, AI amat berguna dalam membantu sesi pembelajaran yang sesuai mengikut tahap pelajar. Dalam masa sama dapat mengurangkan jurang Pendidikan antara bandar dan luar bandar. Penguasaan AI di setiap lapisan masyarakat amat penting dalam melahirkan generasi yang lebih berpengetahuan. Tidak ketinggalan dengan AI juga dapat menguruskan trafik, memantau keselamatan awam dan mempertingkatkan sistem pengangkutan awam. Ini adalah menjurus kepada meningkatkan kualiti hidup rakyat dalam mengadaptasikan AI dalam pengurusan bandar pintar.



Walaupun bagaimanapun, kita amat rungsing kepada isu AI sebagai persinggahan sahaja. Sedia maklum, AI melibatkan kos pelaksanaan yang tinggi. Dengan penggunaan AI, kita perlukan satu infrastruktur digital yang besar dan pelaburan yang besar. Bagi syarikat yang besar berkemungkinan mampu membuat pelaburan besar tetapi bagi Perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kos yang tinggi mungkin satu beban kepada syarikat untuk dilaburkan.

Masalah tenaga mahir dalam bidang AI juga mungkin akan menjadi satu kekangan. Malaysia berkemungkinan akan menghadapi masalah untuk mendapatkan pakar dalam bidang AI dan terpaksa bergantung kepada kepakaran asing. Ini juga memberi satu cabaran kelak kepada mana-mana syarikat yang berusaha untuk melaksanakan AI dalam operasi syarikat. Isu jurang digital antara bandar dan luar bandar masih tidak selesai. Ada ketika masalah akses kepada internet masih wujud, yang mana tumpuan kepada golongan bandar dan ia memberi kesan kepada masyarakat luar bandar yang masih ketinggalan. Satu perkara yang menjadi perbualan ramai, dimana dengan AI ini boleh menggantikan pekerjaan manusia kepada automasi. Jika perkara ini tidak dipantau dengan baik, kita risau ia mampu meningkatkan kadar pengangguran dan ketidaksamarataan ekonomi.

Melihat kepada kesungguhan kerajaan dan perkembangan semasa, AI di Malaysia lebih cenderung kepada keperluan jangka panjang, bukannya persinggahan. Ini adalah kerana AI itu sendiri selari dengan agenda Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), Dasar Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL). Teknologi ini sebenarnya telah menunjukkan manfaat ketara dalam sektor pertanian, kesihatan dan pendidikan, di mana Malaysia perlu mengikut trend global untuk kekal daya saing.

Kecerdasan Buatan (AI) bukanlah hanya sekadar persinggahan teknologi tetapi satu keperluan strategik kepada Malaysia, dimana Malaysia telah melancarkan Infrastruktur Strategik. Tindakan ini menjadi Malaysia negara pertama di rantau ini melancarkan ekosistem AI penuh dan berdaulat. Dengan infrastruktur ini dapat menyokong pelbagai sektor termasuk kerajaan, syarikat dan universiti. Ini satu petanda yang Malaysia tidak omong kosong ke atas projek AI ini. Walaubagaimanapun, kita berharap Malaysia dapat membangunkan bakat tempatan, menyediakan satu dasar etika yang jelas dan memastikan akses inklusif bagi setiap lapisan masyarakat. Jika semua ini mampu diatasi, Malaysia mampu membina sebuah ekosistem bagi menyokong usaha negara ke arah menjadi Negara Kecerdasan Buatan AI menjelang 2030.